



10 September 2025
10 September 2025
P.U. (A) 327

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN (PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN) (PINDAAN) 2025

TOURISM INDUSTRY (TOUR OPERATING BUSINESS AND TRAVEL AGENCY BUSINESS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN (PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 12 September 2025.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 [*P.U. (A) 333/1992*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan sebelum takrif “umrah” takrif yang berikut:

‘ “Program *Malaysia My Second Home* (MM2H)” ertinya program *Malaysia My Second Home* (MM2H) yang ditawarkan kepada mana-mana orang selain warganegara Malaysia untuk menetap di Malaysia sebagai rumah kedua;’.

Pindaan peraturan 5

3. Subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri selain Program *Malaysia My Second Home* (MM2H);” dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri bagi Program *Malaysia My Second Home* (MM2H);”.

Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperenggan (1)(m)(i) dengan subperenggan yang berikut:

“(i) dia hendaklah membeli polisi insurans, menandatangani wang tunai kepada Pesuruhjaya, atau memberi Pesuruhjaya jaminan bank, sejumlah maksimum RM1,000.000.00 bagi maksud pampasan atau bayaran balik untuk perlindungan pelancong atau jemaah ke luar negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diarahkan oleh Pesuruhjaya;”;

(b) dalam subperenggan (1)(m)(iii), dengan menggantikan perkataan “wang tunai” dengan perkataan “polisi insurans, wang tunai”;

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1c) subperaturan yang berikut:

“(1D) Syarat-syarat yang berikut dikenakan ke atas seseorang pengendali pelancongan berlesen bagi pelancongan dalam negeri yang mengendalikan peserta Program *Malaysia My Second Home* (MM2H):

(a) pengendali pelancongan berlesen hendaklah menggunakan standard Program *Malaysia My Second Home* (MM2H) sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya;

- (b) pengendali pelancongan berlesen dilarang mempunyai pemegangan saham dalam mana-mana syarikat pengendalian pelancongan berlesen bagi pelancongan dalam negeri yang lain yang mengendalikan Program *Malaysia My Second Home* (MM2H);
 - (c) tertakluk kepada perenggan (d), pengendali pelancongan berlesen hendaklah mengenakan caj tetap bagi kelas perkhidmatan pengendali pelancongan berlesen sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] kepada peserta yang memohon kelulusan bagi Program *Malaysia My Second Home* (MM2H);
 - (d) bagi maksud perenggan (c), pengendali pelancongan berlesen boleh menerima deposit dalam apa-apa jumlah sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya, dan baki caj tetap bagi kelas perkhidmatan pengendali pelancongan berlesen hendaklah dituntut selepas permohonan sebagai peserta Program *Malaysia My Second Home* (MM2H) diluluskan;
 - (e) pengendali pelancongan berlesen hendaklah melaksanakan apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan atau yang bersampingan dengan Program *Malaysia My Second Home* (MM2H) sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.”; dan
- (d) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “(1A) atau (1B)” dengan perkataan “1(A), (1B) atau (1D)”.

Pemotongan Jadual Ketiga

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Ketiga.

Dibuat 9 September 2025

[MOTAC.600-4/1/47JLD.20(39); PN(PU2)510/IX]

DATO SRI TIONG KING SING
Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

TOURISM INDUSTRY ACT 1992

TOURISM INDUSTRY (TOUR OPERATING BUSINESS AND TRAVEL AGENCY BUSINESS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Tourism Industry Act 1992 [*Act 482*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business) (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 12 September 2025.

Amendment of regulation 2

2. The Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business) Regulations 1992 [*P.U. (A) 333/1992*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by inserting before the definition of “*umrah*” the following definition:

‘ “Malaysia My Second Home (MM2H) Programme” means Malaysia My Second Home (MM2H) programme offered to any person other than Malaysian citizens to reside in Malaysia as a second home;’

Amendment of regulation 5

3. Subregulation 5(2) of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) inbound tour operating business other than Malaysia My Second Home (MM2H) Programme;” and

(b) by inserting after paragraph (a) the following paragraph:

“(aa) inbound tour operating business for Malaysia My Second Home (MM2H) Programme;”.

Amendment of regulation 6

4. Regulation 6 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subparagraph (1)(m)(i) the following subparagraph:

“(i) he shall purchase an insurance policy, deposit with the Commissioner cash, or furnish to the Commissioner a bank guarantee, in the maximum sum of RM1,000,000.00 for the purposes of compensation or refund for the protection of tourists or pilgrims, as the case may be, as directed by the Commissioner;”;

(b) in subparagraph (1)(m)(iii), by substituting for the words “the cash” the words “the policy insurance, cash”;

(c) by inserting after subregulation (1C) the following subregulation:

“(1D) The following conditions are imposed upon a licensed tour operator for inbound tours who handles participants of the Malaysia My Second Home (MM2H) Programme:

(a) a licensed tour operator shall use the standard Malaysia My Second Home (MM2H) Programme as may be determined by the Commissioner;

(b) a licensed tour operator is prohibited from holding shares in any other licensed tour operating company for inbound tours who handles participants of

the Malaysia My Second Home (MM2H) Programme;

- (c) subject to paragraph (d), a licensed tour operator shall impose a fixed charge for class of service of licensed tour operator as prescribed under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [Act 723] to the participants applying for an approval for the Malaysia My Second Home (MM2H) Programme;
- (d) for the purposes of paragraph (c), a licensed tour operator may receive a deposit in any amount as may be determined by the Commissioner, and the balance of the fixed charge for class of service of licensed tour operator shall be claimed after the application as a participant of the Malaysia My Second Home (MM2H) Programme is approved;
- (e) a licensed tour operator shall perform any services relating to or incidental to the Malaysia My Second Home (MM2H) Programme as may be determined by the Commissioner.”; and

- (d) in subregulation (2), by substituting for the words “(1A) or (1B)” the words “(1A), (1B), or (1D)”.

Deletion of Third Schedule

- 5. The principal Regulations are amended by deleting the Third Schedule.

Made 9 September 2025
[MOTAC.600-4/1/47]LD.20(39); PN(PU2)510/IX]

DATO SRI TIONG KING SING
Minister of Tourism, Arts and Culture